

GARIS PANDUAN PENGECAULIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN PERSENDIRIAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA

1. Pengenalan

Kakitangan Kerajaan (tidak terpakai kepada kakitangan Badan Berkanun mulai 1 Januari 2020) yang tamat berkhidmat di luar negara layak mendapat pengecaulian 50% duti import dan duti eksais ke atas kenderaan persendirian yang dibawa balik dari luar negara.

2. Syarat Kelayakan

- (i) Pemohon mestilah telah berkhidmat **tidak kurang dari satu (1) tahun** di luar negara;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport telah didaftarkan atas nama pemohon tempat ia bertugas di luar negara dalam tempoh **tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh bertukar balik ke Malaysia**;
- (iii) Pengecaulian 50% duti import dan duti eksais hanya diberi kepada pegawai/kakitangan yang bertukar balik ke Malaysia dan bukannya bertukar ke negara lain;
- (iv) Bagi pemohon yang ditukarkan secara *cross-posting* ke negara lain tetapi tidak boleh membawa masuk kenderaan ke negara tersebut atas sebab-sebab tertentu, dibenarkan memohon pengecaulian di atas dengan syarat apabila bertukar balik ke Malaysia kelak tiada pengecaulian cukai diberikan;
- (v) permohonan perlu **dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan** daripada tarikh diarah pulang/bertugas; dan
- (vi) Semua **dokumen sokongan perlu disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.

3. Senarai dokumen sokongan yang diperlukan:

- (i) Salinan perlantikan sebagai duta/surat arah bertugas ke luar negara;
- (ii) Salinan surat arahan pertukaran pulang ke Malaysia;
- (iii) Salinan geran kenderaan;
- (iv) Salinan kad pendaftaran kenderaan di luar negara termasuk terjemahan yang diakui sah jika tidak tertulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
- (v) Salinan Permit Import (AP);
- (vi) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (vii) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);
- (viii) Salinan passport yang lengkap termasuk mengandungi cop Jabatan Imigresen ketika pemohon berangkat ke luar negara dan pulang ke tanah air; dan
- (ix) Surat permohonan daripada Ketua Jabatan yang mengesahkan telah melapor diri di penempatan baru; dan
- (x) Surat justifikasi kelewatian mengemukakan permohonan pengecaulian duti import dan duti eksais [jika tidak mematuhi syarat kelayakan 2(iv)].